



"Tidak lama kemudian kelibat abang tidak kelihatan dan orang kampung segera menaiki bot mencarinya.

"Pencarian dilakukan di sekitar tempat dia terjatuh dan mayatnya ditemui selepas satu jam apabila dayung seorang penduduk terkena pada badan mangsa di dalam air," katanya ketika ditemui di Unit Forensik Hospital Tumpat, di sini, semalam.

Eh Pian berkata, setiap kali banjir, abangnya selalu memasang pukot di situ kerana dianggap lubang ikan darat.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tumpat, Superintendan Ab Rashid Mat Daud mengesahkan menerima laporan berkaitan kejadian itu.

'Macam mana rupa hantu air'

'MACAM mana rupa hantu air'. Itu pertanyaan terakhir Muhammad Ilham, 7, kepada ayahnya, Hasmadi Mohd Ali, 41, sebelum mengikut bapa saudara untuk memasang pukot di tali air di Felcra Teratak Batu, Pasir Puteh, kelmarin.

Ibunya, Siti Fairuz Che Mood, 34, berkata, pertanyaan itu diajukan dalam nada berseloroh, menyebabkan dia dan suami berasa pelik.

"Sebelum Muhammad Ilham keluar rumah untuk ke tali air jam 6 petang semalam (kelmarin), ketika itulah dia tanya soalan pelik kepada ayahnya.

"Namun kami tidak mengesyaki apa-apa sehingga dimaklumkan Muhammad Eilham terjatuh dalam tali air dan dikhuatiri lemas sebelum jasadnya ditemui pagi tadi (semalam)," katanya ketika ditemui di perkarangan Unit Forensik Hospital Tengku Anis di sini, semalam.

Mayat Muhammad Ilham ditemui jam 8 pagi semalam di kawasan sawah padi pada jarak 400 meter (m) dari lokasi dia terjatuh.